

25 JUL 2003

Sukan-Selat (Hishammuddin)/I

TUMPUKAN PERHATIAN PADA RENANGAN, KATA HISHAMMUDDIN

Oleh: Asan Ahmad

DOVER (England), 25 Julai (Bernama) -- "Cekalkan semangat dan tumpukan perhatian kepada renangan" ... begitulah nasihat Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein kepada Abdul Malik Mydin sebelum meninggalkan London semalam.

"Saya mahu Malik memberi tumpuan 100 peratus kepada renangannya... yang penting dia mesti mengekalkan kecekalan dan semangat "Malaysia Boleh", kata Hishammuddin.

Beliau berkata Malik tidak perlu bimbang mengenai logistik sepanjang masa menunggu renangan itu kerana ia akan diurus oleh sekretariat.

"Beliau perlu fokus kepada renangannya dan yang aspek lain akan diurus oleh sekretariat yang diketuai Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Talaat Husain," katanya.

Sekretariat itu yang ditubuhkan Jumaat lepas akan menyelaras program semua pihak yang terbabit dalam operasi cabaran Selat Inggeris oleh Malik bagi memastikan kelancarannya.

Menurut Hishammuddin, beliau telah mengarahkan sekretariat untuk bekerja rapat dengan Persekutuan Renang Selat dan Pengemudian (CSPF) untuk memantau keadaan cuaca supaya cabaran itu dapat dilakukan.

"Persiapan berjalan lancar. Tidak apa yang harus dibimbangkan. Saya harap perenang dan semua rakyat Malaysia bertenang sementara menunggu acara itu berjalan," katanya.

Hishammuddin terpaksa berlepas pulang kerana beliau akan merasmikan perayaan Hari Belia Kelantan di Gua Musang Ahad ini, diikuti lawatan kerja ke Kuala Lipis.

"Jika majlis itu boleh ditangguhkan, saya mahu terus bersama Malik tetapi saya tidak boleh buat demikian kerana ia (Hari Belia) sudah ditetapkan. Saya terpaksa pulang kerana banyak program rasmi menunggu saya dan bagi pihak saya, Talaat akan berada di Dover sehingga Cabaran Selat Inggeris itu selesai," katanya.

Beliau berkata perkembangan di Dover juga dilaporkan terus kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dari semasa ke semasa oleh sekretariat itu.

"Kami mahu kedua-dua Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri menjadi orang pertama yang mengetahui mengenai situasi di Dover sebelum renangan itu," katanya.

Hishammuddin berada di London sejak dua minggu lepas bagi menyaksikan Abdul Malik berenang merentas Selat Inggeris yang pada asalnya dijadualkan pada 23 Julai, tetapi ditangguhkan ekoran cuaca yang tidak mengizinkan.

-- BERNAMA
AHA AHH LAT